

<b>Headline</b>	<b>RM40 juta bantu KKM</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Sarawak</b>		
<b>Date</b>	<b>25 Mar 2020</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>37,981</b>	<b>Readership</b>	<b>113,943</b>
<b>Section</b>	<b>EKONOMI</b>	<b>Page No</b>	<b>31</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>367 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 10,260</b>		



# RM40 juta bantu KKM

**KUALA LUMPUR:** Rangkaian Tindak Balas Bencana (GDRN) syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan beserta pelbagai rakananya, berjaya mengumpul sejumlah RM40 juta setakat ini bagi membantu Kementerian Kesihatan (KKM) menangi pandemik Covid-19.

GDRN itu diuruskan oleh Sekretariat Bersama diterajui oleh Yayasan Hasanah (di bawah Khazanah Nasional Bhd) serta Telekom Malaysia Bhd (TM), demikian menurut kenyataan GDRN semalam.

“Sumbangan terkumpul berjumlah RM40 juta itu disalurkan oleh beberapa GLC (syarikat berkaitan kerajaan), GLIC (syarikat pelaburan berkaitan kerajaan) dan entiti swasta bagi menyokong pelbagai inisiatif kemansuaan dan berkaitan dengan per-

batan,” kata kenyataan itu. Daripada RM40 juta itu, sejumlah RM17 juta merupakan ikrar secara langsung kepada GDRN bagi membantu KKM membeli keperluan perubatan, kelengkapan perlindungan diri (PPE) dan ventilator yang diperlukan oleh kementerian, hospital dan awam.

Syarikat dan organisasi yang memberi sokongan itu adalah Affin Bank Bhd, CIMB Bank Bhd, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Permodalan Nasional Bhd, Sime Darby Property Bhd dan Pharmenia.

Turut memberi sokongan selain Yayasan Hasanah adalah Tenaga Nasional Bhd (TNB), Telekom Malaysia, TIME dotcom Bhd, Yayasan Sime Darby dan Yayasan UEM.

Aspek penyalaran dan

pelaksanaan pemerolehan, pengendalian, penyimpanan dan pengedaran akan diuruskan oleh PharmaNiaga Bhd, kata kenyataan itu.

Sementara itu, Pengarah Urusan Yayasan Hasanah, Shahira Ahmed Bazar berkata, sokongan itu perlu di-selaras secara berkesan bagi mengelak berlakunya pertindihan usaha serta bekalan terabit. “Kami berharap platform ini akan dapat mempermudahkan lagi pendekatan membantu KKM serta negara ini dalam tempoh sukar seperti sekarang.

“Pada masa ini, Yayasan Hasanah sedang menyeliai usaha ini dengan GLC dan GLIC di bawah GDRN dan menggalau-alukan sektor swasta untuk turut sama membantu usaha ini,” katanya.

Selain itu, beberapa ahli GDRN telah melaksanakan beberapa misi bantuan ber-

nilai kira-kira RM23 juta membabitkan usaha pengedaran bekalan makanan, kit kebersihan, kelengkapan perubatan ke hospital termasuk klinik kesihatan daerah, universiti yang masih menempatkan pelajar di kampus masing-masing dan pusat pemantauan yang diuruskan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Malah, komitmen GDRN menyokong usaha membendung Covid-19 akan diteruskan selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berikutkan hasrat untuk membantu golongan B40 yang terjejas akibat Covid-19 dalam jangka panjang.

Ini selaras dengan matlamat penubuhan GDRN iaitu memastikan tindak balas holistik dalam jangka pendek, sederhana dan panjang khususnya ketika waktu ber-



**PENGARAH** Urusan Yayasan Hasanah, Shahira Ahmed Bazar.

Iakunya bencana seperti manakah boleh menghubungi pi-

hak Yayasan Hasanah dan GDRN di talian 019-2782707 atau emel anita.ahmad@hasanah.org.my.

– Bernama